

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 12 JULAI 2016

KERATAN AKHBAR

"Bekalan air bersih masih mencukupi serta pengaliran air ke terusan sawah di kompartmen H iaitu kawasan Gunung Semanggol masih disalurkan"
Nor Hasan

12-07-2016

setempat 11

Jerebu bakal menyusul

Kuala Lumpur: Gelombang jerebu bakal melanda negara sekiranya cuaca panas dan kering yang dialami negara - sekarang berterusan untuk tempoh lama.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, aktiviti pembakaran tempatan dan jerebu rentas sempadan dari negara jiran boleh berlaku dalam keadaan cuaca kering.

"Fasa Monsun Barat Daya (MBD) yang bermula sejak minggu ketiga Mei lalu menyebabkan aktiviti hujan berkurangan berbanding musim sebelum ini.

"Kesannya keadaan cuaca menjadi panas dan kering yang boleh membawa kepada masalah jerebu.

"Penomena ini dijangka berterusan sehingga pertengahan September ini," katanya.

Menurut beliau, keadaan cuaca panas sekarang juga dipengaruhi keadaan atmosfera lebih kering yang mengurangkan aktiviti perolakan.

Namun katanya, masih terdapat hujan lebat ber-

serta ribut petir dijangka berlaku di satu dua tempat terutama pada sebelah petang.

"Semasa Monsun Barat Daya, hujan lebat berserta ribut petir dan angin kuat disebabkan kehadiran garis badai iaitu sekumpulan barisan awan ribut petir yang bergerak dari arah laut ke daratan.

"Garis badai ini kadangkala berlaku pada waktu Subuh terutama di kawasan pantai di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, barat Johor, barat Sabah dan Sarawak," katanya.

KEADAAN Tasik Bukit Merah agak membingungkan walaupun fenomena El Nino pulih sebulan lalu.

Paras empangan di Selangor masih terkawal

Kuala Lumpur: Iklim Monsun Barat Daya yang dialami negara kini dijangka tidak memberi kesan teruk terhadap penurunan paras air di empangan seluruh Semenanjung biarpun kekurangan hujan.

Mengikut statistik laman web rasmi Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), paras air di tujuh empangan termasuk satu kolam takungan di Selangor masih terkawal.

Setakat jam 8 pagi semalam, empangan terbesar Langat mencatatkan kadar 74.97 peratus (25.56 juta liter padu) manakala Sungai Selangor 67.45 peratus atau 155.14 juta liter padu.

Empangan Batu pula mencatat bacaan 63.37 peratus (20.26 juta liter padu), Klang Gates (55.79 peratus atau 14.13 juta liter padu), Semenyih (80.01 peratus atau 47.27 juta liter padu), Sungai Tinggi (73.71 peratus atau 84.40 juta liter padu) dan Tasik Subang (70.66 peratus atau 2.97 juta liter padu). Kolam Takungan Sungai Labu (ORS) pula mencatat bacaan 49.65 peratus atau 3.96 juta liter padu air.